

TARIKH: 13/7/23
SURAT KHABAR: KOSMO
MUKA SURAT: 12

12

Negara!

KOSMO 13/7/23



NUR MUHAMMAD BAKHTIR (dua dari kanan) bersama kakitangannya ketika melaksanakan Ops Kesan di Taman Indah, Tampin semalam.

24 kompaun dalam tiga hari – Perkeso

TAMPIN – Pertubuhan Keselamatan Sosial (Perkeso) Negeri Sembilan mengeluarkan 24 kompaun bernilai RM29,000 terhadap majikan daripada 153 premis yang diperiksa dalam Ops Kesan bermula kelmarin sehingga tengah hari semalam.

Pengarahnya, Nur Muhammad Bakhtir Mohamad Akhir berkata, notis kompaun tersebut dikeluarkan mengikut Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969 (Akta 4) dan Notis Kompaun Akta Sistem Insurans Pekerjaan 2017 (Akta 800).

“Serentak pelancaran Ops Kesan peringkat kebangsaan, kita telah melaksanakan operasi di kawasan Bandar Enstek. Nilai diikuti daerah Tampin.

“Ini bagi memastikan setiap pekerja mendapat perlindungan keselamatan sosial atau orang tanggungan jika ditimpa sebarang musibah seperti kemalangan, penyakit atau kematian,” katanya ketika ditemui di sini semalam.

Ujarnya, sebanyak 17 kompaun dikeluarkan mengikut Akta 4 dan tujuh di bawah Akta

800 babit nilai RM29,000.

“Kita turut menumpukan enam daerah lain iaitu Seremban, Port Dickson, Rembau, Kuala Pilah, Jelebu dan Jempol bagi bertemu sendiri dengan majikan dari pintu ke pintu untuk memastikan mereka telah berdaftar dengan Perkeso.

“Berdasarkan rekod pendaftaran Perkeso sehingga 30 Jun lalu, sejumlah 43,020 majikan aktif telah berdaftar meliputi kira-kira 232,066 pekerja aktif di bawah perlindungan Perkeso dan 13,500 pekerja asing di negeri ini,” katanya.

Jelasnya, kegagalan majikan mendaftarkan perusahaan dan pekerja merupakan satu kesalahan yang boleh dikompaun dan pendakwaan.

“Jumlah kompaun bagi setiap kesalahan boleh mencecah RM5,000,” katanya.

Tambahnya, jika gagal berbuat demikian, majikan boleh didakwa di mahkamah dan jika sabit kesalahan, mereka boleh didenda maksimum RM10,000 atau penjara sehingga dua tahun atau kedua-duanya sekali.